

Headline **IPT perlu buat kerjasama R&D**
 Date **10. Jul 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Berita Harian** Page No **19**
 Section **Hip** Article Size **219** cm2
 Circulation **217920** Frequency **Daily**
 Readership **2083000** Color **Full Color**



IPT perlu buat kerjasama R&D

Dari
Jakarta

Rosniza Mohd Taha
rosniza@bharian.com.my



PELAJAR Institusi pengajian tinggi (IPT) Asia disaran menjalankan penyelidikan bersama dalam membangunkan teknologi penjana tenaga diperbaharui bagi mengurangkan kebergantungan terhadap minyak sebagai bahan api utama di rantau itu berikutan lonjakan kenaikan harga barangan berkenaan.

Menteri Pendidikan Kebangsaan Indonesia, Prof Dr Bambang Sudibyo, berkata antara tenaga diperbaharui yang sesuai dibangunkan adalah solar dan angin yang bukan saja menjimatkan dalam penghasilan tenaga elektrik malah mesra alam termasuk berupaya menurunkan suhu negara di rantau itu.

Katanya, penyelidikan seumpama itu sejajar Kempen Pendidikan Untuk Pembangunan Mapan yang sedang giat dijalankan Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) ketika ini.

"Kenaikan harga minyak sedunia memberi momentum yang baik untuk kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang menjurus kepada inovasi dan kemajuan dalam penjana tenaga diperbaharui sebagai sumber tenaga alternatif yang lebih kos efektif berbanding minyak.

"Justeru, sudah tiba masanya pelajar IPT dan saintis di rantau Asia bekerjasama

membangunkan penjana tenaga diperbaharui termasuk solar dan angin supaya manfaatnya dapat dikongsi bersama.

"Sebagai contoh, pada Disember depan, saya bakal merasmikan projek pengepaman air bawah tanah menggunakan tenaga solar yang dibangunkan pelajar Universiti Gadjah Mada di daerah Wanasari, Jawa Barat dan ia akan turut memberi manfaat kepada tujuh daerah lain di sekitarnya," katanya ketika berucap merasmikan program Inisiatif Pemimpin Muda Hitachi (HYLI) ke-9 di Jakarta, Indonesia, kelmarin.

Hadir sama, Naib Presiden dan Pegawai Eksekutif Hitachi

Ltd, Masao Hisada.

Empat pelajar IPT awam terpilih mewakili negara bagi program itu iaitu Yanti Noraffiza Mansor daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Alan Kwan Wai Ming (Universiti Malaysia Sabah) serta dua pelajar Universiti Putra Malaysia iaitu Yom Nurul Akmar Abdul Lahsan dan R Rena Rajadorai.

Program kali ini menyediakan peluang bagi 28 pemimpin muda dari tujuh negara Asia iaitu Indonesia, Jepun, Malaysia, Singapura, Vietnam, Thailand dan Filipina membincangkan isu bertema Mengukuhkan Kerjasama Asia - Integrasi Ekonomi Pengurusan Tenaga.

Selain menghadiri forum dan bengkel bertema isu berkenaan, peserta turut berpeluang melaksanakan khidmat masyarakat di Perkampungan SOS Kanak-Kanak, Cibubur, Jakarta, sempena program lima hari itu.

“Pelajar IPT dan saintis di rantau Asia bekerjasama membangunkan penjana tenaga diperbaharui termasuk solar dan angin supaya manfaatnya dapat dikongsi bersama”

Prof Dr Bambang Sudibyo
Menteri Pendidikan Kebangsaan Indonesia